

ANALISIS LINGUISTIK LAFAZ *AL-MARAḌ* DALAM AL-QURAN DENGAN SOKONGAN AI (NLP): SUATU KAJIAN TAFSIR DAN IMPLIKASI KESIHATAN^(*)

*(Linguistic Analysis of The Term Al-Maraḍ in The Quran Supported By
AI(NLP): An Exegetical Study and Health Implications)*

Faiz Hadi¹, Mazlan Ibrahim^{2,3}, Noraziah Mohamad Zin⁴,
Nurul Aqilah Mohamad Asri⁵

ABSTRACT

This study analyses the term *al-maraḍ* in the Quran from a linguistic perspective with the support of artificial intelligence (AI), specifically generative language models based on natural language processing (NLP). The aim is to explore the linguistic and semantic structure of the term, assess the interpretive alignment between AI output and classical tafsir, and identify its implications for understanding health in Islam. This qualitative research utilises references from classical tafsir works, scholarly journals, and AI assistance (ChatGPT) to identify the term's occurrences, syntactic patterns, and contextual meanings in the Quran. The findings are organised into three main sections: (i) Distributional Analysis and Morphological Forms of the Term *al-Maraḍ* in the Qur'an; (ii) Semantic and Linguistic Structure

^(*) This article was submitted on: 14/07/2025 and accepted for publication on: 25/09/2025.

¹ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. (Corresponding Author). Email: mohdfaizhadi@gmail.com

² Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: mazib@ukm.edu.my

³ Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. Email: mibrahim@kias.edu.my

⁴ Pusat Kajian Diagnostik, Terapeutik & Penyiasatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, 50300 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia. Email: noraziah.zin@ukm.edu.my

⁵ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: aqilahasri0114@gmail.com

Analysis of *al-maraḍ* in the Quran, focusing on its forms and usage across contexts; (iii) Interpretive Alignment between Generative AI and Classical Tafsir, evaluating the accuracy of AI-generated meanings against authoritative exegesis and (iv) Implications of Linguistic Analysis for Holistic Health and Digital Tafsir, demonstrating the potential integration of technology and exegetical knowledge in supporting a comprehensive Quranic health concept. This study shows that AI can serve as an effective linguistic tool when thoughtfully integrated with the discipline of traditional tafsir. The originality of this research lies in its AI-assisted qualitative approach for developing an ethical, tradition-grounded framework for digital tafsir.

Keywords: *al-Maraḍ, Quranic Exegesis, Artificial Intelligence (AI), Linguistic Analysis, Islamic Holistic Health*

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis lafaz *al-maraḍ* dalam al-Quran dari sudut linguistik dengan bantuan kecerdasan buatan (AI), khususnya model bahasa generatif berasaskan pemprosesan bahasa semula jadi (NLP). Kajian ini bertujuan meneroka struktur linguistik dan semantik lafaz tersebut, menilai kesepadanan tafsiran antara AI dan tafsir klasik, serta mengenal pasti implikasinya terhadap kefahaman kesihatan dalam Islam. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui rujukan kepada kitab tafsir, jurnal ilmiah serta bantuan AI (*ChatGPT*) untuk mengenal pasti kedudukan lafaz, pola sintaksis dan konteks makna dalam al-Quran. Hasil kajian meliputi tiga bahagian utama: (i) Analisis Taburan dan Bentuk Morfologi Lafaz *al-Maraḍ* dalam al-Quran, (ii) Penelitian Semantik dan Struktur Linguistik Lafaz *al-maraḍ* dalam al-Quran, yang menumpukan kepada analisis bentuk dan penggunaan lafaz dalam pelbagai konteks. (iii) Kesepadanan Interpretatif antara AI Generatif dan Tafsir Klasik, yang menilai ketepatan makna yang dijana oleh AI berbanding dengan tafsir muktabar dan (iv) Implikasi Interdisiplin terhadap Kesihatan Holistik dan Tafsir Digital Islamik yang menunjukkan potensi integrasi teknologi dan ilmu tafsir dalam menyokong konsep kesihatan menyeluruh berteraskan al-Quran. Kajian ini membuktikan bahawa AI mampu menjadi alat bantu linguistik yang efektif apabila digabungkan secara beradab dengan disiplin ilmu tafsir tradisional. Keaslian (novelty) kajian ini terletak pada pendekatan kualitatif berbantuan AI dalam membina kerangka tafsir digital yang beretika dan bersumberkan tradisi keilmuan Islam.

Kata Kunci: *al-Maraḍ*, *Tafsir al-Quran*, Kecerdasan Buatan (AI), Analisis Linguistik, Kesihatan holistik Islam

1. PENGENALAN

Konsep penyakit (*al-maraḍ*) dalam al-Quran bukan sahaja merujuk kepada kelemahan jasmani semata-mata, tetapi turut merangkumi aspek kerohanian seperti penyakit hati, keraguan terhadap wahyu dan kemunafikan. Dalam beberapa ayat, istilah ini digunakan secara literal untuk menggambarkan keadaan fizikal seseorang yang lemah seperti dalam ayat berkaitan *rukhsah* tayamum, manakala dalam ayat lain ia membawa makna simbolik yang menggambarkan penyimpangan akidah dan moral. Justeru, makna lafaz *al-maraḍ* sangat luas, bergantung kepada konteks penggunaannya dalam struktur ayat dan keseluruhan surah. Tafsir klasik seperti karya al-Ṭabari, al-Qurtubi, al-Rāzī, Ibn ʿAshūr dan Ibnu Kathir telah membincangkan dengan panjang lebar pelbagai kemungkinan makna lafaz ini. Namun, seiring dengan kemajuan zaman, muncul keperluan untuk mengkaji semula makna lafaz ini dari pendekatan baharu yang lebih dinamik dan bersifat interdisiplin.

Dalam era Revolusi Industri 4.0, kecerdasan buatan (AI) telah menjadi pemangkin utama kepada pelbagai bidang, termasuk pendidikan, kesihatan, dan keagamaan. Dalam konteks pengajian Islam, AI mula digunakan untuk menjana semakan terjemahan al-Quran, membina sistem carian ayat bertema, dan mengautomasi penandaan makna linguistik. Salah satu cabang penting AI ialah pemprosesan bahasa semula jadi (*Natural Language Processing* – NLP), yang membolehkan komputer memahami, mentafsir dan menjana bahasa manusia (Putra & M. Yusuf, 2021). Hal ini turut disokong oleh kajian semasa yang menjelaskan bahawa AI berpotensi merevolusikan cara memahami al-Quran melalui pemprosesan bahasa semula jadi, pembelajaran mesin dan aplikasi seperti *Chatbot* serta *ChatGPT*, khususnya dalam pentafsiran ayat dan pemahaman konteks linguistik serta semantik secara automatik (Basid et al., 2024). Maka, pendekatan analisis linguistik berbantuan AI menjadi semakin penting, terutama dalam menganalisis lafaz-lafaz utama seperti *al-maraḍ* yang memerlukan ketelitian dalam menentukan bentuk, fungsi dan konteks.

Tambahan pula, penggunaan teknologi AI dalam pengajian al-Quran wajar dilihat sebagai usaha ijtihad kontemporari yang tidak menafikan autoriti tafsir klasik, tetapi sebaliknya memperkaya pendekatan sedia ada. Tafsir klasik sering menekankan aspek sebab turun ayat (*asbāb al-nuzūl*), kedudukan lafaz dalam ayat, dan hubungan dengan keseluruhan surah. Walau bagaimanapun,

pendekatan ini lazimnya terikat kepada batas sumber dan logik zamannya. Dalam era digital, pendekatan AI membolehkan pengkaji meneliti teks al-Quran dengan lebih sistematik dan pantas, contohnya dengan mengenal pasti berapa kali lafaz tertentu muncul, dalam bentuk apa, dan dalam susunan ayat yang bagaimana. Ini mewujudkan ruang baharu bagi penyelidikan berasaskan data (data-driven tafsir) yang tidak bertujuan menggantikan tafsir berautoriti, tetapi membantu menyusun semula pemahaman secara saintifik dan berlapis. Pendekatan ini disokong oleh kajian terkini yang membuktikan keupayaan algoritma pembelajaran mendalam (*deep learning*) seperti CNN dan LSTM dalam mengklasifikasikan ayat-ayat al-Quran secara automatik dan sistematik, sekali gus memperkukuh pendekatan tafsir berasaskan data tanpa menolak peranan tafsir berautoriti (Touati-Hamad et al., 2022).

Kajian terhadap lafaz *al-maraḍ* melalui sokongan AI berpotensi membuka satu kerangka pemahaman baru terhadap tema kesihatan dalam Islam. Sebagaimana dibincangkan oleh Madadzadeh & Bahariniya (2023) dan Sarudin & Yaakob (2024), teknologi AI melalui pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) dapat menganalisis struktur linguistik serta hubungan semantik dalam teks al-Quran, sekali gus membantu pengkaji memahami pola bahasa kompleks serta memudahkan pemetaan makna secara sistematik. Ayat-ayat berkaitan penyakit dalam al-Quran sering kali mempunyai dimensi etika, spiritual dan perundangan seperti yang dapat dilihat dalam isu tayamum, keuzuran berpuasa dan kekhusyukan solat. Semua ini mencerminkan hubungan antara al-Quran dan realiti kesihatan umat manusia. Dalam Islam, konsep kesihatan tidak terbatas kepada aspek fizikal tetapi juga melibatkan pemurnian jiwa dan perlindungan akidah. Oleh itu, pendekatan linguistik yang disokong AI boleh membantu menstrukturkan semula pengkategorian ayat-ayat ini mengikut fungsi dan makna yang lebih sistematik. Ini seterusnya membolehkan para penyelidik dan pengamal kesihatan Islam merangka modul intervensi berasaskan al-Quran yang lebih efektif dan relevan.

Lebih menarik, pendekatan ini turut memberikan sumbangan penting dalam pengembangan tafsir digital Islamik yang selari dengan nilai etika dan *maqāṣid syarī'ah*. Dalam usaha memahami lafaz *al-maraḍ*, AI boleh membantu menjejaki kata akar, *wazan* serta perubahan makna apabila lafaz ini digunakan dalam ayat *Makkiyyah* atau *Madaniyyah*. Hal ini juga berkaitan dengan persoalan konteks semantik sama ada penyakit yang dimaksudkan itu bersifat sementara, berterusan atau merupakan isyarat kepada kerosakan batin yang lebih dalam. Perkara ini sangat penting untuk dimasukkan ke dalam tafsir kontemporari, khususnya apabila dikaitkan dengan penyakit-penyakit moden seperti kemurungan, kecelaruan identiti dan tekanan jiwa yang kerap kali bersifat tidak nampak secara zahir tetapi tetap memberi kesan mendalam kepada kehidupan

individu. Penyelidikan terkini seperti MASAQ turut menyediakan dataset al-Quran yang di anotasi secara morfologi dan sintaksis, termasuk akar kata, struktur *i'rāb* dan metadata ayat, sekali gus menyokong usaha tafsir digital yang lebih sistematik dan berpanduan analisis linguistik berautoriti (Sawalha et al., 2025). Pendekatan ini turut disokong oleh pembangunan sistem QSST, iaitu alat carian konsep semantik al-Quran yang menggunakan teknik *word embedding* untuk menjana padanan makna dalam pentafsiran ayat secara lebih kontekstual (Mohamed & Shokry, 2022).

Dalam kerangka ini, penggunaan *AI* seperti *ChatGPT* dapat dilihat sebagai alat bantu (*assistive tool*) yang menjana analisis awal terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan. Walaupun *ChatGPT* bukan alat tafsir, ia dapat digunakan untuk mengenal pasti struktur ayat, fungsi sintaksis, serta kemungkinan makna yang wujud dalam konteks sesuatu lafaz. Dapatan awal ini kemudiannya disemak secara manual dan dipadankan dengan tafsir muktabar bagi memastikan kesahihan maknawi dan epistemologi. Pendekatan ini tidak hanya menekankan kecekapan teknologi, tetapi lebih penting lagi, mengangkat adab dan disiplin ilmu dalam memahami teks wahyu. Maka, integrasi *AI* dalam pengajian al-Quran mesti berpaksikan kepada prinsip bahawa teknologi adalah alat bantu dan bukan bersifat autoriti.

Maka, kajian ini dilaksanakan dengan objektif khusus untuk menganalisis lafaz *al-maraḍ* dari sudut linguistik al-Quran dengan sokongan teknologi *AI*. Kajian ini akan memfokuskan kepada empat aspek utama. Pertama, analisis taburan dan bentuk morfologi lafaz *al-maraḍ* dalam al-Quran. Kedua, penelitian semantik dan struktur linguistik lafaz *al-maraḍ* dalam al-Quran yang menumpukan kepada analisis bentuk dan penggunaan lafaz dalam pelbagai konteks. Ketiga, kesepadanan interpretatif antara *AI* generatif dan tafsir klasik yang menilai ketepatan makna yang dijana oleh *AI* berbanding dengan tafsir muktabar dan keempat implikasi interdisiplin terhadap kesihatan holistik dan tafsir digital islamik. Dengan pendekatan kualitatif yang menekankan padanan antara hasil *AI* dan tafsir klasik, kajian ini berhasrat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap teks al-Quran serta membina asas bagi tafsir digital yang bersifat etika, saintifik dan *maqāṣid shari'ah*.

2. METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan reka bentuk metodologi yang digunakan dalam kajian ini bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pendekatan yang digunakan berfokus kepada analisis kualitatif dengan sokongan kecerdasan buatan (*AI*), khususnya teknik pemprosesan bahasa semula jadi (*NLP*) seperti *topic modeling*,

embedding-based clustering dan analisis semantik untuk meneliti lafaz *al-maraḍ* dalam al-Quran. Pendekatan ini sejalan dengan kaedah yang memanfaatkan model bahasa besar (LLM) untuk mengenal pasti tema-tema tersirat, pola linguistik dan hubungan semantik ayat (Shahid et al., 2025). Selain itu, penggunaan algoritma *topic modeling* seperti LDA juga dapat membantu mengenal pasti struktur tema yang mendalam dalam ayat-ayat al-Quran (Badawy et al., 2025). Metodologi ini merangkumi perincian tentang reka bentuk kajian, sumber data, serta peranan AI sebagai alat bantu dalam analisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan.

i. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif berasaskan sumber utama al-Quran, kitab-kitab tafsir muktabar, dan jurnal ilmiah yang relevan. Pendekatan ini bertujuan menggali kefahaman mendalam terhadap lafaz *al-maraḍ* dengan sokongan kecerdasan buatan (AI) sebagai alat bantu analisis. Kajian ini tidak melibatkan kaedah kuantitatif atau statistik, sebaliknya memberi penekanan kepada pemahaman teks secara semantik, linguistik, dan kontekstual. Analisis dilakukan dengan meneliti ayat-ayat yang mengandungi lafaz *al-maraḍ* dalam konteks wahyu, mendalami interpretasi tafsir klasik, dan menggunakan teknik pemrosesan bahasa semula jadi (NLP) untuk mengenal pasti pola makna, tema, serta hubungan semantik yang tersirat.

ii. Sumber dan Pemilihan Data

Sumber utama kajian ini ialah al-Quran, dengan fokus khusus pada ayat-ayat yang mengandungi lafaz *al-maraḍ* serta bentuk terbitannya. Pemilihan ayat dilakukan secara manual berdasarkan pembacaan teks Arab al-Quran, diikuti dengan semakan semula menggunakan enjin carian terjemahan dan paparan digital untuk memastikan ketepatan identifikasi ayat. Langkah ini bertujuan menjamin keseragaman data yang dianalisis, mengelakkan keciciran ayat yang relevan, serta memastikan bahawa semua bentuk variasi morfologi lafaz *al-maraḍ* diambil kira dalam analisis linguistik dan semantik.

iii. Penggunaan AI sebagai Alat Bantu

Dalam kajian ini, *ChatGPT*, iaitu model kecerdasan buatan generatif berasaskan teknologi Pemrosesan Bahasa Semula Jadi (*Natural Language Processing* – NLP),

digunakan sebagai alat bantu untuk menghasilkan analisis awal terhadap makna lafaz *al-maraḍ*. AI ini membantu mengenal pasti konteks penggunaan ayat serta mencadangkan pemahaman semantik berdasarkan struktur linguistiknya. Namun demikian, peranan AI dalam kajian ini adalah bersifat sokongan semata-mata dan tidak memberikan keputusan muktamad terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran.

iv. Penilaian semula melalui Tafsir Muktabar

Setiap hasil analisis awal yang dijana oleh AI disemak dan dinilai semula secara manual, kemudian dibandingkan dengan rujukan tafsir muktabar seperti *Tafsir al-Ṭabari*, *al-Qurtubī*, *al-Rāzī* dan *Ibn Kathīr*. Proses padanan ini dilaksanakan bagi memastikan ketepatan makna yang dianalisis serta mengelakkan sebarang kesilapan tafsiran yang mungkin timbul akibat batasan AI yang tidak dilatih khusus untuk pentafsiran al-Quran.

v. Etika Penggunaan AI dalam Kajian Al-Quran

Penggunaan AI dalam kajian ini dirangka secara berhati-hati sebagai alat sokongan analitik, tanpa menggantikan autoriti keilmuan tafsir. Penyelidik kekal sebagai pihak utama yang bertanggungjawab dalam menilai kesesuaian, keabsahan, dan adab terhadap teks al-Quran. Segala maklumat yang dijana oleh AI ditapis dan disemak secara teliti agar mematuhi prinsip epistemologi Islam serta tidak bercanggah dengan kerangka keilmuan tafsir berautoriti.

3. HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis linguistik terhadap lafaz *al-maraḍ* dalam al-Quran menggunakan pendekatan berasaskan kecerdasan buatan (AI). Analisis ini dijalankan terhadap ayat-ayat yang mengandungi lafaz tersebut serta bentuk terbitannya, dengan tumpuan kepada aspek morfologi, sintaksis dan semantik. Perbincangan ini turut merangkumi bagaimana AI mengenal pasti struktur ayat, konteks penggunaan lafaz, serta kesepadanan antara makna yang dijana oleh AI dan pentafsiran oleh ulama tafsir klasik. Selain itu, AI juga membantu menganalisis konteks semantik antara makna literal dan metafora berdasarkan posisi dan hubungan semantik lafaz dalam ayat. Pendekatan ini memberikan gambaran awal terhadap potensi AI sebagai alat bantu dalam penyelidikan tafsir al-Quran yang bersifat linguistik.

Dapatan yang diperoleh kemudiannya disemak semula dan dinilai berdasarkan kerangka keilmuan tafsir yang berautoriti.

i. Analisis Taburan dan Bentuk Morfologi Lafaz *al-Maraḍ* dalam al-Quran

Analisis terperinci mendapati bahawa lafaz *al-maraḍ* dan bentuk terbitannya disebut sebanyak 24 kali dalam 13 surah daripada keseluruhan 114 surah al-Quran. Kajian ini membahagikan lafaz tersebut mengikut bentuk morfologi seperti *maraḍun* (مَرَضٌ), *maraḍan* (مَرَضًا), *marīḍan* (مَرِيضًا), *marḍā* (مَرَضَى), *al-marīḍ* (الْمَرِيضُ) dan *marīḍtu* (مَرَضَتْ), lalu menganalisisnya berdasarkan konteks ayat dan kedudukan semantik. Surah yang paling banyak menyebut lafaz ini ialah Surah al-Baqarah (6 kali), diikuti oleh al-Aḥzāb (3 kali), manakala surah lain seperti al-Nisā', al-Mā'idah, al-Tawbah, al-Nūr dan Muhammad masing-masing mencatatkan dua sebutan. Surah seperti al-Anfāl, al-Ḥajj, al-Faṭḥ, al-Muzzammil dan al-Muddaththir pula hanya mencatatkan satu sebutan. Taburan ini menunjukkan bahawa penggunaan lafaz *al-maraḍ* tidak terhad pada satu tema atau bab tertentu, tetapi tersebar dalam pelbagai konteks termasuk hukum syarak, peringatan terhadap penyakit rohani, serta isyarat terhadap kelemahan akidah dan moral. Untuk lebih jelas lagi mengenai lafaz *al-maraḍ* ini, dapat dirujuk pada jadual dan rajah di bawah:

Jadual 1
Kalimah al-maraḍ yang di datangkan dalam bentuk maraḍun (مَرَضٌ)

No	Nama Surah	No Surah & Ayat	Ayat Al-Quran
1	<i>Al-Baqarah</i>	2: 10	فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَوَرَدَتْهُمْ أَكَلَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا
2	<i>Al-Mā'idah</i>	5: 52	فَكَرَى الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ يُسْأَلُونَ فِيهِمْ
3	<i>Al-Anfāl</i>	8: 49	إِذْ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ عَرُّهُمْ لَاءِ دِينِهِمْ
4	<i>Al-Tawbah</i>	9: 125	وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَوَرَدَتْهُمْ رِجْسًا إِلَى رِجْسِهِمْ
5	<i>Al-Haj</i>	22: 53	لِيَجْعَلَ مَا يُقَالُ الشَّيْطَانُ فِتْنَةً لِلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ

6	<i>Al-Nūr</i>	24: 50	إِنِّي فُلُوحِهِمْ مَرَضٌ أَمْ لَأَنبَاوَا
7	<i>Al-Ahzāb</i>	33: 12, 32, 60	وَإِذْ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي فُلُوحِهِمْ مَرَضٌ مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ إِلَّا غُرُورًا إِنْ أَتَقَيْتُمْ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ لِّئَلَّا يَنْتَهِيَ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي فُلُوحِهِمْ مَرَضٌ وَالْمُرْجِفُونَ فِي الْمَدِينَةِ لَنُغَيِّرَنَّكَ بِهِمْ رَأْيَ الَّذِينَ فِي فُلُوحِهِمْ مَرَضٌ يَنْظُرُونَ إِلَيْكَ نَظَرَ الْمَغِشِيِّ عَلَيْهِ مِنَ الْمَوْتِ أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ فِي فُلُوحِهِمْ مَرَضٌ أَنْ لَنْ يُخْرِجَ اللَّهُ أَضْعَافَهُمْ
8	<i>Muhammad</i>	47: 20, 29	وَلْيَقُولَ الَّذِينَ فِي فُلُوحِهِمْ مَرَضٌ وَالْكَافِرُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا
9	<i>Al-Mudathir</i>	74: 31	

Jadual 2
Kalimah al-maraḍ yang didatangkan dalam bentuk maraḍan (مرضا)

No	Nama Surah	No Surah & Ayat	Ayat Al-Quran
1	<i>Al-Baqarah</i>	2: 10	فِي فُلُوحِهِمْ مَرَضٌ فَرَّادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا

Jadual 3
Kalimah al-maraḍ yang didatangkan dalam bentuk marīḍan (مريضًا)

No	Nama Surah	No Surah & Ayat	Ayat Al-Quran
1	<i>Al-Baqarah</i>	2: 184, 185, 196	فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ

أَخْرَجَ
فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِنْ رَأْسِهِ
فَعَلِدَّةٌ مِنْ صَيَامٍ

Jadual 4
Kalimah al-maraḍ yang didatangkan dalam bentuk marḍā (مَرَضَى)

No	Nama Surah	No Surah & Ayat	Ayat Al-Quran
1	Al-Nisā'	4: 43, 102	وَإِنْ كُنْتُمْ مَرَضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ وَلَا مُجَنَّاخَ عَلَيْكُمْ إِنْ كَانَ بِكُمْ أَذًى مِنْ مَطَرٍ أَوْ كُنْتُمْ مَرَضَىٰ أَنْ تَضَعُوا أَسْلِحَتَكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مَرَضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ
2	Al-Mā'idah	5: 6	وَإِنْ كُنْتُمْ مَرَضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ
3	Al-Tawbah	9: 91	لَيْسَ عَلَى الضَّعَفَاءِ وَلَا عَلَى الْمَرْضَى وَلَا عَلَى الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ مَا يَنْفِقُونَ حَرَجٌ
4	Muzammil	73: 20	عَلِمَ أَنْ سَيَكُونُ مِنْكُمْ مَرَضَىٰ وَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ

Jadual 5
Kalimah al-maraḍ yang didatangkan dalam bentuk al-mariḍ (الْمَرِيضِ)

No	Nama Surah	No Surah & Ayat	Ayat Al-Quran
1	Al-Nūr	24: 61	وَلَا عَلَى الْأَعْرَاجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرَجٌ
2	Al-Fath	48: 17	وَلَا عَلَى الْأَعْرَاجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرَجٌ

Jadual 6
Kalimah al-maraḍ yang didatangkan dalam bentuk mariḍtu (مَرِضْتُ)

No	Nama Surah	No Surah & Ayat	Ayat Al-Quran
1	<i>Al-Shuara'</i>	26: 80	وَإِذَا مَرَضْتُ فَبُهِتَ الَّذِي كَفَىٰ

Maklumat ini dihipunkan dalam beberapa jadual berdasarkan bentuk lafaz dan konteks surah, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 hingga 6. Struktur pembahagian ini bukan sahaja penting dalam menganalisis variasi semantik lafaz *al-maraḍ*, tetapi juga menjadi asas kepada penelitian linguistik lanjut yang memfokuskan kepada akar kata, bentuk derivatif, posisi lafaz dalam ayat, serta tema ayat yang mengiringinya. Kajian ini membuktikan bahawa al-Quran menggunakan istilah penyakit dalam bentuk yang pelbagai literal, metafora, dan psikospiritual sebagai sebahagian daripada strategi dakwah dan pendidikan akhlak. Justeru, data ini bukan sahaja menambah nilai dalam analisis linguistik, tetapi juga menyokong usaha pemetaan tafsir tematik secara digital dengan bantuan kecerdasan buatan.

Melalui sokongan teknologi AI berasaskan pemprosesan bahasa semula jadi (NLP), kedudukan lafaz dalam struktur ayat dikenal pasti bersama pola perkataan sekitarnya untuk menelusuri konteks semantik secara lebih terperinci. Contohnya, dalam Surah al-Baqarah [2:10], lafaz *maraḍ* digunakan dalam frasa “*fi qulūbihim maraḍun*”, menunjukkan penyakit yang berhubungan dengan hati dan akidah (Muqatil, 2022). Dalam ayat lain seperti al-Nisā’ [4:43], ia merujuk kepada keuzuran fizikal yang membolehkan tayammum (Mujadid, 1989).

AI membantu mengenal pasti susunan sintaksis ini serta menjana kelompok makna berdasarkan fungsi lafaz dan struktur tematik ayat. AI turut menjejaki akar kata dan variasi seperti *marīḍ*, *marḍā* dan *marīḍan*, serta hubungan lafaz ini dengan kata kerja dan kata sifat yang lain. Analisis ini membantu menilai sama ada lafaz tersebut digunakan dalam maksud sementara atau berterusan, literal atau metafora.

Setiap hasil yang dijana AI diteliti dan dipadankan semula dengan pentafsiran ulama melalui karya tafsir klasik seperti Jāmi’ *al-Bayān*, *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* dan *al-Tafsīr al-Kabīr* bagi memastikan kesesuaian dan keselarasan makna. Pendekatan ini memperkukuh proses tafsir dengan bantuan teknologi tanpa menafikan autoriti ilmu tafsir berasaskan riwayat dan disiplin tradisional. Justeru, integrasi AI dalam kajian ini tidak bertujuan menggantikan sumber tafsir muktabar, tetapi sebagai alat bantu yang mampu menyokong kerja pentafsiran secara saintifik dan sistematik.

ii. Penelitian Semantik dan Struktur Linguistik Lafaz *al-Maraḍ* dalam al-Quran

Lafaz *al-maraḍ* merupakan salah satu istilah penting dalam al-Quran yang merujuk kepada konsep penyakit dalam pelbagai bentuk dan lapisan makna. Dari sudut semantik, perkataan ini bukan sahaja menggambarkan penyakit fizikal yang nyata secara zahir, bahkan turut merangkumi dimensi rohani dan psikologi seperti keraguan, kemunafikan serta kelemahan jiwa. Justeru, pemahaman terhadap struktur linguistik dan konteks penggunaan lafaz ini memerlukan penelitian menyeluruh yang melibatkan aspek morfologi, susunan ayat serta persekitaran semantik yang mendasarinya (Nufus et al., 2024). Walaupun lafaz ini muncul dalam pelbagai surah al-Quran, kajian ini memfokuskan kepada dua surah utama sahaja, iaitu Surah al-Baqarah dan Surah al-Nisā', kerana keduanya mewakili dua bentuk makna yang berbeza secara nyata yang pertama berkaitan penyakit rohani dan yang kedua berkaitan keuzuran fizikal. Pemilihan ini bersifat strategik agar perbandingan dapat dilakukan secara fokus dan mendalam, tanpa mengabaikan keluasan kerangka analisis yang diperlukan (Nuraini & Rosenda, 2024).

Dalam konteks analisis moden, pemahaman terhadap lafaz ini turut melibatkan unsur-unsur seperti makna literal dan kiasan, pola sintaksis, serta kekuatan makna berdasarkan kedudukan lafaz dalam struktur ayat. Pendekatan semantik terhadap lafaz *al-maraḍ* bukan sekadar mengenal pasti maksud literalnya, tetapi juga mengungkap proses pentafsiran makna yang bersifat dinamik, berlapis dan kontekstual. Hal ini selari dengan dapatan kajian M. Fatima Omran Issa yang meneliti akar kata *triliteral agnosia* dalam al-Quran, iaitu istilah yang menggambarkan kebutaan batin, kekeliruan dan kehilangan panduan rohani sekali gus menunjukkan bahawa konsep penyakit dalam al-Quran memiliki kesinambungan antara dimensi zahir dan batin (Issa, 2024). Dapatan ini turut diperkuat oleh kajian sistematik Pauline Hapsari dan rakan-rakan yang mendapati bahawa al-Quran mengandungi potensi penyembuhan terhadap penyakit fizikal dan mental, serta telah digunakan secara meluas sebagai kaedah rawatan komplementari melalui bacaan, hafazan dan terapi audio berasaskan ayat-ayat syifa (Hapsari et al., 2024).

Melalui sokongan kecerdasan buatan (AI) yang berasaskan pemprosesan bahasa semula jadi (*Natural Language Processing* – NLP), analisis terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengandungi lafaz *al-maraḍ* dapat dilakukan dengan lebih sistematik dan mendalam. Pendekatan NLP bukan sahaja membolehkan penelitian terhadap kedudukan lafaz tersebut dalam struktur ayat, tetapi juga membantu memahami pola sintaktik, hubungan semantik, serta konteks perbincangan yang membentuk makna keseluruhan ayat (Lagirini & Debbah,

2025). Melalui teknik seperti analisis ketergantungan ayat, pembacaan konteks sekitar kata, dan model representasi kata lanjutan, AI dapat mengenal pasti hubungan antara lafaz *al-maraḍ* dengan unsur linguistik lain yang mendahului atau mengikutinya dalam ayat, sekaligus memberikan gambaran yang lebih tepat tentang maksud rohani dan moral yang tersirat. Contohnya, dalam ayat "*fī qulūbihim maraḍun*" di Surah al-Baqarah (2:10), AI dapat membantu menganalisis bagaimana frasa "dalam hati mereka" membentuk makna metafora mengenai penyakit batin yang berterusan. Selain itu, secara umum, penggunaan AI dalam studi al-Quran membuka ruang kepada pendekatan baharu yang lebih terstruktur, mempermudah pemetaan tema-tema utama, dan meningkatkan pemahaman interdisiplin terhadap makna ayat suci (Mauluddin, 2024).

Tafsiran ini turut disokong oleh Imam Ibn Kathīr yang menjelaskan bahawa penyakit dalam ayat tersebut merujuk kepada penyakit rohani yang membekas dalam hati dan mendorong kepada kemunafikan serta penyelewengan akidah (Ibn Kathir, 2009). Sementara itu, dalam Surah al-Nisā' (4:43), frasa "*aw 'alā safarin aw jā'a aḥadun minkum mina al-ghā'it*" diikuti lafaz *marāḍan*, yang muncul dalam konteks keuzuran fizikal sebagai sebab rukhsah tayamum (Al-Tabari, 2009). Analisis menggunakan kecerdasan buatan (AI) berasaskan pemrosesan bahasa semula jadi (NLP) membolehkan struktur sintaktik ayat ini difahami dengan lebih sistematik, termasuk hubungan konteks rohani dan hukum fiqh yang mendasarinya. Hal ini diperkukuhkan lagi melalui Rajah 2, yang menunjukkan bahawa pemetaan struktur oleh AI (melalui model *ChatGPT*) selaras dengan tafsiran muktabar para ulama, menegaskan fungsi AI sebagai alat bantu analitik. Dengan sokongan teknik NLP seperti *dependency parsing* dan representasi semantik, AI mampu membantu penyelidik mengesan pola makna, tema utama, dan variasi konteks dalam ayat-ayat al-Quran secara lebih teratur dan mendalam.

Rajah 2

Perbandingan Makna Lafaz al-Maraḍ dalam al-Baqarah dan al-Nisā' Berdasarkan Tafsir dan Analisis AI

Aspek	Tafsir Klasik (Ibn Kathīr, al-Ṭabarī)	Analisis Sintaksis Modern / AI	Kesimpulan Perbandingan
Fokus utama tafsir	Menjelaskan maksud lafaz <i>al-maraḍ</i> dari segi aqidah dan hukum: • Ibn Kathīr: penyakit nifaq dan syak dalam hati (2:10) • al-Ṭabarī: uzur fizikal menghalang wudhu (4:43)	Menganalisis struktur gramatikal lafaz dalam konteks ayat: • <i>al-maraḍ</i> berfungsi sebagai subjek atau predikat keadaan • Kedudukan frasa dalam struktur ayat	Kedua-dua pendekatan menjelaskan fungsi lafaz, tetapi satu dari aspek makna dan hukum, manakala satu lagi dari aspek kedudukan dalam ayat.
Kedudukan lafaz dalam ayat	Tidak dihusnukan secara formal sebagai frasa nama/keterangan, tetapi dibahas secara maksud dan implikasi hukum/aqidah.	Dikenal pasti secara eksplisit: apakah lafaz itu menjadi subjek, objek, atau pelengkap keadaan dalam ayat.	Sintaksis AI memberi nilai tambah teknikal untuk memahami bagaimana lafaz itu dibina secara struktur, tanpa bercanggah dengan maksud yang dihuraikan oleh mufasssir klasik.
Metodologi	Berdasarkan riwayat, ijtihad linguistik Arab klasik, konteks asbāb al-nuzūl, dan pendekatan maqāsid/hukum.	Berdasarkan model pemetaan bahasa (e.g., NLP, dependency tree, POS tagging) yang mengesan pola ayat dan struktur dalam secara automatik.	AI tidak menafsir secara hukum, tetapi mengenalpasti struktur yang boleh menyokong atau mengesahkan kefahaman tafsir yang sedia ada secara lebih sistematik dan empirikal.
Contoh tafsir Surah 2:10	Ibn Kathīr: "Penyakit dalam hati ialah nifaq dan keraguan kepada kebenaran wahyu" al-Ṭabarī: "Ia adalah penyakit gubhah dan hawa nafsu."	Al: lafaz قَرَضَ muncul selepas frasa preposisi, sebagai inti makna dalam ayat. Struktur: "di dalam hati mereka ada penyakit".	Tidak bercanggah — struktur ayat menguatkan bahawa penyakit itu bersifat dalaman, sebagaimana disebut oleh mufasssir klasik.
Contoh tafsir Surah 4:43	al-Ṭabarī: "Sakit yang menyukarkan penggunaan air seperti demam atau luka" Ibn Kathīr: "Keadaan sakit yang memberi keuzuran untuk berwuduk, maka diberi rukhsah tayamum."	Al: lafaz قَرَضَ berfungsi sebagai predikat keadaan kepada "kamu". Struktur: "jika kamu sakit..., maka bertayamumlah"	Penstrukturan sintaksis menyokong logik hukum rukhsah dengan menunjukkan peranan lafaz sebagai punca syarat bagi tindakan hukum (tayamum).

AI turut berperanan dalam menjejak akar kata dan bentuk derivatif seperti *marīḍ*, *marḍān* dan *marḍā*, serta menganalisis hubungannya dengan kata kerja dan kata sifat yang berkaitan. Pola morfologi ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana akar kata tersebut memunculkan pelbagai sifat, sama ada dalam bentuk literal, kiasan atau bersifat sementara. Di samping itu, AI membantu mengenal pasti kedudukan lafaz *al-maraḍ* dalam struktur sintaksis ayat, sama ada sebagai subjek, predikat atau syarat hukum. Sebagai contoh, dalam Surah al-Baqarah ayat 10, AI mengesan lafaz *marāḍ* berfungsi sebagai subjek yang merujuk kepada penyakit hati (*nifaq*), sejajar dengan tafsir klasik yang menekankan sifat keraguan dan kemunafikan sebagai penyakit batin. Dalam Surah al-Nisā’ ayat 43, lafaz *marāḍ* muncul dalam konteks *rukhsah* tayamum, berperanan sebagai syarat yang membolehkan keringanan hukum. Analisis ini membuktikan bahawa AI bukan bertujuan mentafsir hukum baharu tetapi mendukung kerangka tafsir klasik dengan menyediakan analisis linguistik yang sistematik, termasuk pemetaan sintaksis dan pengelasan semantik. Melalui pendekatan ini, AI berfungsi sebagai alat bantu ilmiah yang memperkukuh kefahaman tentang perbezaan dan kesepadanan makna generatif dengan makna berdasarkan tafsiran klasik, sekali gus menyokong pengembangan tafsir digital yang lebih teliti, empirik dan sesuai dengan keperluan kontemporari.

Dalam kitab *Al-Majdūl fī I’rāb al-Qur’ān wa Ṣarfih wa Bayānih Ma’a Fawā’id Nahwiyyah Hāmmah* (Safi, 1995) di mana Analisis nahu terhadap ayat “فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ” menunjukkan bahawa frasa *fī qulūbihim* terdiri daripada unsur *jar* dan *majrūr*, berperanan sebagai *khavar muqaddam* yang mendahului subjek sebenar. *Ḍamir him* dalam *qulūbihim* pula berfungsi sebagai pelengkap kepada

kata nama hati (*mudhaf ilayh*). Lafaz *maraḍ* yang muncul selepasnya merupakan *mubtada'* *mu'akhkhar* (subjek yang dilewatkan) dan berada dalam kedudukan *marfū'*, sekali gus menjadi inti utama kepada struktur makna ayat ini. Dalam ayat berikutnya *فَوَادَّعُهُمُ اللَّهُ تَرَضًا*, huruf *fā'* berfungsi sebagai kata hubung (*'atf*), diikuti oleh *fi'il māḍi zāda*, manakala *ḍamir hum* menjadi objek pertama dan lafaz *Allāh* sebagai *fā'il* pelaku (Darwish, 1980). Lafaz *maraḍan* di akhir ayat pula merupakan objek kedua (*mafūl thāni*) yang berada dalam keadaan *manṣūb*. Ayat seterusnya *وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ* memaparkan susunan yang sama, di mana frasa *lahum* menjadi *khavar muqaddam*, *'adhāb* sebagai *mubtada'* *mu'akhkhar* dan *alīm* sebagai sifat kepada *'adhāb*. Frasa *bimā kānū yakdhibūn* pula terdiri daripada gabungan jar dan *majrūr* serta kata ganti bersambung (*ism mawsūl mā*) yang disusuli oleh *fi'liyyah* lengkap sebagai silah kepada *mā*.

Tambahan beliau lagi, dari sudut *sorof*, lafaz *maraḍ* berasal daripada *fi'il mariḍa* – *yamraḍu* dan tergolong sebagai *masdar semā'i*, iaitu kata dasar yang tidak ditentukan secara *qiyasi*. Bentuk wazannya adalah *fā'ila* - *yaf'alu*. *Fi'il zāda* pula merupakan *fi'il māḍi* yang pada asalnya lazim (tidak memerlukan objek), namun dalam konteks ini berfungsi sebagai *fi'il muta'addi* kerana disertakan dua objek (*hum* dan *maraḍan*). Lafaz *alīm*, yang merupakan sifat kepada *'adhāb*, tergolong dalam kategori *ṣifah musyabbahah* dan berasal daripada *fi'il alima* – *ya'lamu*, menunjukkan keadaan yang berterusan. Manakala kata *kānū* ialah *fi'il māḍi naqis*, yang digandingkan dengan *ḍamir ū* sebagai subjek, berperanan menjelaskan keterangan keadaan berterusan tentang pendustaan yang mereka lakukan.

Selain itu, ini membuktikan lagi bahawa analisis linguistik yang dilakukan oleh AI ini selaras dengan terjemahan di atas. Analisis *nahu* dan *sorof* terhadap ayat “*فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ*” dalam Surah al-Baqarah ayat 10 menunjukkan susunan jumlah *ismiyyah* yang kompleks dengan frasa *jar-majrūr* (*فِي قُلُوبِهِمْ*) berperanan sebagai *khavar muqaddam*, mendahului *mubtada'* *mu'akhkhar* (*مَرَضٌ*) yang *marfū'*. Kaedah ini menekankan fokus makna pada “penyakit” sebagai inti berita, sekali gus memperlihatkan gaya pengungkapan *tawkid* (penegasan) dalam al-Quran. Analisis AI turut mengesan pola dependensi di mana unsur *jar-majrūr* ditempatkan awal bagi tujuan *wazan* balaghah dan penekanan makna batiniah penyakit hati. Dalam ayat “*فَوَادَّعُهُمُ اللَّهُ تَرَضًا*”, struktur jumlah *fi'liyyah* terdiri daripada huruf (*atf*) (*ف*), *fi'il māḍi* (*زَادَ*) sebagai *fi'il muta'addi* dengan dua *mafūl* (*هُمْ* dan *تَرَضًا*), menunjukkan intensifikasi balasan atas sifat nifaq. AI mengenal pasti fungsi objek berganda ini sebagai ciri sintaksis yang menandakan peningkatan akibat moral, selaras dengan *i'rāb* klasik. Dari sudut *sorof*, *مَرَضٌ* ialah *masdar semā'i* daripada *يَمْرَضُ* – *مَرِضٌ* dengan *wazan* *يَفْعَلُ* – *فَعِيلٌ*, menzahirkan makna keadaan berterusan, manakala *زَادَ* berasal daripada *يَزِيدُ* – *زَادَ* (*fi'il lazim* yang menjadi

muta’addi dengan dua objek dalam konteks balaghah). Analisis ini melengkapi huraian klasik seperti dalam *Al-Majdūl fī I’rāb al-Qur’ān* dengan menambah ketepatan pengenalan fungsi sintaksis melalui AI, yang membantu menstruktur makna tafsir secara lebih teratur, menghubungkan aspek nahu klasik dengan teknik dependensi moden.

Untuk melihat dengan lebih jelas lagi perbandingan antara kitab klasik dengan AI, dapat dilihat seperti mana jadual di bawah:

Aspek	Kitab Al-Majdūl fī I’rāb al-Qur’ān	Analisis Linguistik dengan Sokongan AI
Fokus Nahu Ayat	Penjelasan struktur jumlah <i>ismiyyah</i> pada <i>فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ</i> dengan frasa <i>jar-majrūr</i> sebagai <i>khavar muqaddam</i> mendahului <i>mubtada’ mu’akhhhar</i> .	AI mengenal pasti pola dependensi, unsur <i>jar-majrūr</i> <i>فِي قُلُوبِهِمْ</i> ditempatkan awal untuk <i>wazan</i> balaghah dan penekanan makna batiniah penyakit hati.
Contoh I’rāb Ayat	Huruf <i>atf</i> (فَ), <i>fi’il māḍī zāda</i> sebagai <i>fi’il muta’addi</i> dengan dua objek (<i>hum, maraḍan</i>).	Sama, tetapi AI menekankan bagaimana struktur dua objek meningkatkan kesan ancaman balasan terhadap sifat nifaq.
Tambahan Contoh Ayat	<i>وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ</i> بما كانوا يكذبون – frasa <i>lahum</i> sebagai <i>khavar muqaddam</i> , <i>’adhāb</i> sebagai <i>mubtada’ mu’akhhhar</i> , <i>bimā kānū yakdhibūn</i> sebagai <i>jar-majrūr + silah mā</i> .	Tidak mengulang ayat ini, fokus hanya pada contoh 2:10 dan <i>قَرَأْتَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا</i> untuk penekanan sintaksis dan balaghah.
Analisis Sorof	Menerangkan <i>مَرَضٌ</i> sebagai <i>masdar semā’i</i> daripada <i>marīḍa – yamraḍu (fa’ila-yaf’alu)</i> ; <i>zāda</i> sebagai <i>fi’il māḍī lazim</i> menjadi <i>muta’addi</i> dengan dua objek.	Sama, tetapi AI menambah nilai dengan menjelaskan unsur balaghah yang menegaskan sifat penyakit secara berterusan serta mengenal pasti struktur hubungan sintaksis secara moden.

Ciri Pendekatan	Penekanan kepada <i>i'rab</i> tradisional dan <i>sorof</i> klasik dengan contoh ayat lengkap.	Melengkapi huraian klasik dengan analisis AI untuk fungsi sintaksis lebih tepat, membantu struktur tafsir lebih teratur dan kontemporari.
-----------------	---	---

Berdasarkan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa pendekatan linguistik berasaskan AI dalam memahami struktur lafaz *al-maraḍ* bukan sahaja tidak bercanggah dengan tafsir muktabar dan nahu klasik, malah memperkukuh kefahaman tentang fungsi frasa dan makna lafaz tersebut dalam konteks ayat. Penemuan ini menunjukkan bahawa AI mampu berperanan sebagai alat bantu ilmiah yang menyokong pemetaan semantik, kedudukan struktur, serta corak sintaksis dalam al-Quran secara sistematik. Selain memperluas medan analisis linguistik, ia juga berpotensi memperkaya kajian tafsir tematik melalui integrasi metodologi tradisional dan teknologi moden. Maka, gabungan dua pendekatan ini dapat mengukuhkan kejelasan makna lafaz *al-maraḍ*, sama ada dari aspek rohani, jasmani mahupun hukum, seterusnya memberikan impak signifikan kepada wacana tafsir dan kajian interdisiplin al-Quran kontemporari.

- iii. Kesepadanan Interpretatif antara AI Generatif dan Tafsir Klasik
- iv. Implikasi Analisis Linguistik dalam Kesihatan Holistik dan Tafsir Digital

Analisis lafaz *al-maraḍ* dalam al-Quran menunjukkan bahawa konsep kesihatan dalam Islam bersifat menyeluruh tanpa pemisahan mutlak antara dimensi fizikal dan rohani. Istilah *al-maraḍ* tidak hanya merujuk kepada penyakit jasmani yang memerlukan rawatan perubatan, tetapi juga meliputi penyakit hati seperti nifaq, syak, dan kelemahan iman (Afifah, 2022). Hal ini mengukuhkan prinsip kesihatan holistik Islam di mana penyucian jiwa, pembaikan akhlak, dan penguatan iman dianggap unsur rawatan sejajar dengan pengurusan fizikal (Qamar, 2023). Pendekatan tafsir klasik menekankan aspek ini melalui perincian makna literal dan kiasan yang saling melengkapi. Dalam konteks kontemporari, integrasi analisis linguistik dengan teknologi kecerdasan buatan (AI) membuka ruang untuk membina tafsir digital yang mendukung pemahaman kesihatan holistik. Modul digital berbantuan AI dapat mengolah data linguistik dan tafsir klasik untuk menyokong pendidikan kesihatan, terapi rohani, dan dakwah yang menekankan hubungan erat antara kebersihan hati dan kesihatan fizikal sebagai satu sistem kesejahteraan yang lengkap.

Kesihatan rohani dalam perspektif al-Quran menunjukkan integrasi antara kebersihan hati, pengendalian nafsu, dan ketaatan kepada syariat sebagai asas kesejahteraan holistik yang mendukung dimensi fizikal. Lafaz *al-maraḍ* dalam Surah al-Baqarah ayat 10 menegaskan konsep penyakit hati seperti nifaq, yang berpotensi merosakkan akidah dan melemahkan struktur sosial umat (Sumarno, 2023). Tafsir klasik, seperti *Fi Zhilalil Qur'an*, memperincikan sifat kikir (*al-Bukhl*) dan *asy-Syuhh* sebagai penyakit hati yang menentang nilai tawakal dan mendorong pengabaian sosial, menuntut penekanan pada etika, iman, dan kesejahteraan jiwa (Addini et al., 2024). Analisis linguistik mendalam terhadap struktur frasa, sinonim dan balaghah membantu membongkar makna kiasan ini untuk mendukung pendidikan akhlak dan pengendalian hawa nafsu dalam pembelajaran Islam kontemporari. Dalam era digital, pendekatan ini dapat diintegrasikan dalam modul berbantuan AI yang menggabungkan data linguistik dan tafsir klasik untuk membina sistem pendidikan kesihatan rohani yang menekankan keseimbangan antara akal, jiwa, dan jasmani, selaras dengan *maqāṣid syarī'ah* (Muhammad & Adnir, 2022). Hal ini juga selaras dengan pendekatan memahami *i'jaz* al-Quran untuk membina kesejahteraan psikospiritual yang menekankan hubungan antara etika rohani, emosi dan akidah (Saib & Khoza, 2024).

Pendekatan linguistik terhadap lafaz *al-maraḍ* dalam al-Quran membuka peluang inovatif untuk penerapan terapi komplementari moden yang lebih sistematik dan berasaskan wahyu. Analisis struktur ayat, konteks semantik, dan hubungan morfologi dapat dimanfaatkan dengan teknologi pemrosesan bahasa semula jadi (NLP) berasaskan AI untuk memetakan kata kunci, mengenal pasti tema utama, dan mengesan pola sintaktik yang relevan dengan konsep penyakit dan penyembuhan rohani (Goel & Arsiwala, 2024). Pendekatan ini seiring dengan penggunaan NLP dalam bidang kesihatan mental yang membolehkan analisis corak bahasa untuk merancang intervensi yang lebih berkesan dan bersifat peribadi, memperlihatkan potensi NLP sebagai alat terapeutik yang diiktiraf dalam bidang sains kesihatan (Margaroli et al., 2023). Dengan integrasi teknik NLP yang mematuhi disiplin tafsir klasik, modul interaktif dapat dibangunkan untuk mendukung pendidikan kesihatan berasaskan sumber wahyu tanpa mengorbankan ketepatan makna, sekali gus mengelakkan penyelewengan interpretasi. Melalui kerangka ini, al-Quran bukan sekadar bacaan spiritual tetapi juga sumber inspirasi bagi rawatan holistik yang memadukan aspek rohani dan psikologi, membantu membina kesejahteraan yang menyeluruh dan menenangkan jiwa dalam konteks kesihatan kontemporari.

Peranan AI dalam mengembangkan tafsir digital kesihatan Islam terletak pada kemampuannya mengolah data linguistik berskala besar dengan sistematik dan cepat. Melalui teknik NLP, AI dapat mengenal pasti pola sintaksis, akar kata,

dan jaringan semantik untuk menghasilkan repositori ayat-ayat berkaitan kesihatan jasmani dan rohani. Tafsir digital yang memanfaatkan teknologi ini berpotensi memberikan akses yang lebih inklusif kepada ilmu tafsir dengan menyediakan sumber yang terstruktur, terhubung dengan tafsir klasik, dan mudah diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat. Namun, penggunaan AI tidak boleh menggantikan autoriti ulama tafsir. Sebaliknya, ia perlu dilihat sebagai alat bantu yang memudahkan pencarian, pemetaan tema, dan penyusunan bahan pengajaran, sambil tetap memerlukan pengawasan dan verifikasi ilmiah. Dengan pendekatan ini, teknologi menjadi pelengkap kepada usaha memperkukuh pengajian tafsir dan pendidikan kesihatan Islam yang berlandaskan sumber sahih. Namun, penggunaan teknologi dalam pemahaman al-Quran juga menghadapi cabaran literasi digital dan keperluan pengawasan agar integrasi dengan sumber klasik tidak terabai (Mohtar et al., 2022).

Walaupun teknologi AI menawarkan kelebihan dalam analisis linguistik dan pengurusan data tafsir, penggunaannya dalam bidang kesihatan Islam menuntut pendekatan etika yang berhati-hati dan berasaskan nilai Islam. AI tidak memiliki kesedaran normatif untuk menilai hukum, *maqāṣid* atau prinsip masalah sehingga berisiko jika digunakan tanpa pengawasan pakar tafsir dan kesihatan Islam (Mat Arop & Gunardi, 2024). Artikel tersebut menekankan prinsip berasaskan dalil naqli dan aqli seperti keadilan (*al-ʿAdl*), perlindungan privasi (*Hifz al-Khususiyah*) dan transparensi (*al-Musaalat wa as-Syafaafiyat*) sebagai asas etika dalam pembangunan AI. Prinsip ini penting untuk memastikan AI tidak menyeleweng dalam isu sensitif seperti fiqh perubatan atau terapi rukyah dengan memerlukan pengesahan lembaga berautoriti. Dengan pendekatan ini, AI dapat memperkaya pengajaran dan terapi kesihatan berasaskan al-Quran sambil menjaga kesahihan makna serta kesesuaian dengan nilai Islam yang murni.

Sebagai rumusan, prinsip fiqh *الأصل في الأشياء الإباحة إلا ما دلّ الدليل على تحريمه* yang bermaksud “Hukum asal bagi segala sesuatu adalah harus, kecuali terdapat dalil yang menunjukkan keharamannya” menyediakan kerangka penting dalam menilai inovasi teknologi seperti AI. Meskipun penggunaannya dalam analisis linguistik dan pembangunan tafsir digital kesihatan Islam pada dasarnya diharuskan, ia tetap perlu tunduk kepada garis panduan syariah yang jelas untuk mencegah penyelewengan makna dan penerapan yang melanggar masalah. Pendekatan ini menuntut pengawasan pakar tafsir, pengesahan lembaga berautoriti, dan penerapan prinsip-prinsip etika Islam seperti keadilan, perlindungan privasi dan transparensi. Dengan demikian, teknologi AI dapat berperanan sebagai alat bantu yang memudahkan pengajaran, terapi, dan pendidikan kesihatan berasaskan al-Quran, sambil memastikan kesahihan interpretasi serta kesesuaian dengan nilai-nilai Islam yang murni.

4. RUMUSAN

Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan linguistik berbantuan AI dalam menganalisis lafaz *al-maraḍ* menawarkan cara baharu yang lebih sistematik untuk memahami konteks makna al-Quran. Melalui pemprosesan bahasa semula jadi (NLP), struktur ayat, pola sintaksis, dan konteks semantik dapat dikenal pasti dengan lebih terperinci, mendukung pentafsiran yang lebih tepat, terutama untuk ayat-ayat literal berkaitan hukum. Pendekatan ini membantu pengkaji meneliti hubungan antara lafaz, tema, dan hukum syarak secara lebih berstruktur, selaras dengan tuntutan pengajian Islam kontemporari. Di samping itu, AI membantu mempermudah carian dan pemetaan ayat secara tematik, sekali gus memupuk pendekatan tafsir digital yang lebih terurus dan bersifat terbuka kepada pengemaskinian ilmiah berasaskan data terkini.

Pada masa sama, integrasi AI dengan disiplin tafsir klasik menegaskan pentingnya keseimbangan antara teknologi dan epistemologi Islam. AI berfungsi sebagai alat bantu untuk menghasilkan analisis awal, namun penilaian muktamad tetap bergantung kepada ulama tafsir dan prinsip *usul al-tafsir* yang sahih. Melalui pemadanan dengan tafsir klasik, sebarang hasil yang dijana AI dapat disaring, memastikan kesahihan makna dan mengelakkan bias atau salah tafsir. Hal ini penting dalam menjaga kehormatan wahyu dan memastikan pemahaman yang berpanduan kepada *maqāṣid syarī'ah*. Pendekatan ini mendukung idea bahawa teknologi moden dapat memperkukuh ilmu tradisi tanpa menghapuskan autoriti keilmuan Islam.

Selain itu, kajian ini juga membuka ruang kepada pembangunan modul pendidikan kesihatan Islam yang lebih relevan dan interaktif. Melalui analisis linguistik yang mendalam, ayat-ayat berkaitan kesihatan fizikal dan rohani dapat diklasifikasi dengan lebih tepat, membolehkan pembinaan kurikulum yang menekankan keseimbangan antara jasmani dan spiritual. Modul sebegini dapat membantu masyarakat memahami peranan al-Quran bukan sekadar sebagai bacaan ibadah tetapi juga sebagai rujukan etika kesihatan holistik. Dengan penggunaan AI pembelajaran dan pengajaran tentang pencegahan penyakit hati, pengendalian emosi, dan terapi rohani boleh diintegrasikan dalam pendidikan kesihatan Islam kontemporari.

Namun, kajian ini turut menegaskan bahawa penggunaan AI dalam bidang tafsir memerlukan garis panduan etika yang ketat. AI tidak memiliki kesedaran normatif malah penggunaan tanpa pengawasan boleh menghasilkan interpretasi yang menyimpang daripada maksud sebenar. Oleh itu, pembangunan tafsir digital perlu melibatkan pengesahan pakar tafsir dan ahli kesihatan Islam, termasuk memastikan prinsip-prinsip seperti keadilan, perlindungan privasi dan transparensi ditegakkan. Dengan demikian, AI dapat

dijadikan alat bantu yang mempermudah kerja ilmiah tanpa menjejaskan nilai adab dan autoriti keilmuan. Ini juga memastikan kesesuaian hasil tafsir digital dengan nilai-nilai Islam yang murni.

Kesimpulannya, pendekatan linguistik berasaskan AI dalam kajian lafaz *al-maraḍ* bukan sahaja menambah nilai dalam pemahaman semantik dan struktur ayat al-Quran, tetapi juga membuka jalan kepada penghasilan tafsir digital yang lebih teratur dan saintifik. Pendekatan ini menawarkan peluang untuk menyusun modul intervensi kesihatan Islam yang lebih berkesan, memadukan unsur rohani dan fizikal secara seimbang. Dengan pengawasan ilmiah yang ketat dan pematuhan kepada prinsip *maqāsid syarī'ah*, teknologi ini mampu menjadi sokongan penting dalam pendidikan kesihatan, terapi rohani, dan pengajian al-Quran kontemporari yang lebih berdaya saing dan mendalam.

RUJUKAN

- Abdalhussein, H. F. 2023. Comparative analysis of ai and human translations of qur'anic legal verses in surah al-mā'idah. *IJAZ ARABI: Journal of Arabic Learning* 8(1):262–275. <https://doi.org/10.18860/ijazarabi.v8i1.28804>.
- Abi Abdillāh Muhammad bin Ahmad Abi Bakr al-Qurtubi. 2013. *Al-Jamī' Li Ahkam Al-Quran Wa Al-Mubayyin Lamma Tadhommanah Min Al-Sunnah Wa Aiy Al-Furqan*. 1st ed. Beirut Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Abu al-Fida Ismā'il Ibnu Kathīr al-Dimashqi. 2004. *Tafsīr Ibnu Kasir*. Bahrūn Abu Bakar (pnyt.). 1st ed. Bandung: Penerbit Sinar Baru Algensindo Bandung.
- Abū Al-Hajjāj Mujāhid bin Jabr Al-Tābi'ī Al-Qurashī Al-Makhzūmī. 1989. *Tafsīr Mujāhid*. Muhammad 'Abd Al-Salām Abū Al-Nīl (pnyt.). 1st ed. Mesir: Dār Al-Fikr Al-Islāmī Al-Hadīthah.
- Abū al-Hasan Maqātil Bin Sulaymān Bin Bashīr. 2002. *Tafsīr Muqātil Bin Sulaymān*. 'Abd Allah Mahmūd Shihātah (pnyt.). 1st ed. Beirut Lubnan: Dār Ihyā' Al-Turāth.
- Abū Ja'far Al-Ṭobari. 2001. *Jāmi' Al-Bayān 'An Takwīl Ayat Al-Qurān*. 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin al-Turkī (pnyt.). 1st ed. Dār Hijr.
- Abu Ja'far Muhammad bin Jarīr al-Ṭobari. 2009. *Tafsīr Ath-Thabari*. Muhammad Abdul Lathif Khalaf & Muhammad Mursi Abdul Hamid. Ahmad Abdurrazziq al-Bakri, Muhammad Adil Muhammad (pnyt.). 1st ed. Jakarta: Pustaka azzam.
- Adawiah, H., Mohd Farhan, M. A., & Hamdi, I. 2023. Isu dan cabaran chatgpt terhadap pengajian islam. *Journal of Al-Quran and Al-Sunnah (TURATH)*

- 8(1):1–18. <https://doi.org/10.17576/turath-2023-0801-01>.
- Addini, N. F., Iqbal, I. M., & Ridho, M. M. 2024. Kikir dalam al-qur'an (kajian lafadz al-bukhl dan asy-syuhh menurut tafsir fii zhilalil qur'an). *Hamalatul Qur'an: Jurnal Ilmu-Ilmu Al-Qur'an* 5(2):275–85. <https://doi.org/10.37985/hq.v5i2.196>.
- Afifah, T. A. 2022. Kesehatan mental keagamaan: pergeseran ke psikologi islam. *Kontemplasi: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin* 10(2):1–14. <https://doi.org/10.21274/kontem.2022.10.2.369-382>.
- Ahmad Mustafa al-Marāghī. 2001. *Tafsīr Al-Marāghī*. Muhammad Thalib (pnyt.). 1st ed. Kuala Lumpur: Karya Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Janabi, M. K. A. 2024. Artificial intelligence in quranic exegesis: a critical analytical study of chatgpt technology. *Quranica: Journal of Quranic Research* 16(2):122–144. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/57694>.
- Al-Qurṭubī. 2010. *Tafsīr Al-Qurṭhubī*. Mukhlis B. Mukti (pnyt.). 2nd ed. Jakarta: Pustaka azzam.
- Ardiansyah, K., & Nurrohim, A. 2024. Developing materials of thematic quranic interpretation based on artificial intelligence. *Journal of Islamic Education Studies* 12(1):887–894. <https://doi.org/10.23917/iseth.5475>.
- Badawy, A.A., Elhinawy, E., Salah, A., & Mahdi, M.A. 2025. Topic discovery in the digital quran: a text mining approach. *Journal of Information Systems Engineering and Management* 10(18s):642–49. <https://doi.org/10.52783/jisem.v10i18s.2976>.
- Basid, A., Qomariyah, L., Sunandar, M. F. A. F., & Asasuddin, M. 2024. Teks kitab suci dan mesin: menakar kerja mesin kecerdasan buatan dalam memfasilitasi pemahaman al-qur'an. *Ta'wiluna: Jurnal Ilmu Al-Qur'an, Tafsīr dan Pemikiran Islam* 5(3):527–538. <https://ejournal.iaifa.ac.id/index.php/takwiluna>.
- Fakhru al-Dīn al-Rāzī. 2000. *Al-Tafsīr Al-Kabīr Au Mafātīh Al-Ghaib*. 3rd ed. Beirut- Lubnān: Dar Ihya' Al-Turāth Al-ʿArabi.
- Fasyani, M. F., Muqsid, A., & Mujtaba, A. W. 2024. Artificial intelligence and digital tafsir: assessing the interpretive accuracy of chatgpt's engagement with tafsir al-qurṭubī. *Journal of Ushuluddin and Islamic Thought* 2(1):86–118. <https://doi.org/10.15642/juit.2024.2.1.86-118>.
- Goel, P., & Arsiwala, R. 2024. A comparative study of religious scriptures using natural language processing. *Journal of Student Research* 13(2):1–9. <https://doi.org/10.47611/jsrshs.v13i2.6471>.

- Hapsari, P., Darodjat & Kusumawinakhyu, T. 2024. The power of qur'an to heal physical and mental illness. *Psikis: Jurnal Psikologi Islami* 10(11):1–11. <https://doi.org/10.19109/psikis.v10i1.19203>.
- Ibnu Kathir. 2009. *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*. Syaikh Shafiiyurrahman al-Mubarakfuri (pnyt.). 2nd ed. Indonesia: Pustaka Ibnu Katsir.
- Issa, M. F. O. 2024. The triple root (agnosia) in the holy quran: a linguistic study. *Evolutionary Studies in Imaginative Culture* 8.1(S1):1766–1772. <https://doi.org/10.70082/esiculture.vi.1580>.
- Lagrini, S., & Debbah, A. 2025. A new semantic search approach for the holy quran based on discourse analysis and advanced word representation models. *International Journal of Computing and Digital Systems* 17(1):1–14. <https://doi.org/10.12785/ijcds/1571013400>.
- Madadzadeh F, Bahariniya S. 2023. The role of artificial intelligence in understanding and interpreting the quran. *Journal of Community Health Research* 12(2):310–312. <https://doi.org/10.18502/jchr.v12i35.14792>.
- Maḥmūd Šāfi. 1995. *Al-Majdūl Fi I'Rāb Al-Qur'Ān Wa Šarfiḥ Wa Bayāniḥ Ma'a Fawā'id Naḥwiyyah Hāmmah*. Ṭab'ah Maz. Dār Al-Rashīd-Muassasah Al-Īmān.
- Malgaroli, M., Hull, T. D., Zech, J. M., & Althoff, T. 2023. Natural language processing for mental health interventions: a systematic review and research framework. *National Library of Medicine* 13(309):1–17. <https://doi.org/10.1038/s41398-023-02592-2>.
- Mat Arop, N. T., & Gunardi, S. 2024. Memperkasa model pendidikan asas artificial intelligence (ai) berasaskan naqli dan aqli di era globalisasi. *Sains Insani* 9(2):345–353. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol9no2.635>.
- Mauluddin, M. 2024. Kontribusi artificial intelligence (ai) dalam studi al-qur'an: peluang dan tantangan. *Madinah: Jurnal Studi Islam* 11(1):1–10. <https://doi.org/10.58518/madinah.v11i1.2518>.
- Mohamed, E. H., & Shokry, E. M. 2022. QSST: a quranic semantic search tool based on word embedding. *Journal of King Saud University Computer and Information Sciences* 34(4):934–45. <https://doi.org/10.1016/j.jksuci.2020.01.004>.
- Mohtar, S., Jomhari, N., Zulkifli Mohd Yusoff, M. Y., & Mumtaz Begum Mustafa. 2022. Factors and challenges in understanding al-quran using technology during pandemic covid-19. *Quranica: Journal of Quranic Research* 14(2):1–17. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/41081>.
- Muhammad, A. S., & Adnir, F. 2023. Hadis-hadis tentang penyakit hati dan dampaknya negatifnya terhadap kesehatan. *Hikmah: Jurnal Dakwah dan Komunikasi Islam* 20(2):174–88.

- <https://doi.org/10.53802/hikmah.v20i2.242>.
- Muhammad al-Ṭōhir Ibn ʿĀshūr. 2014. *Tafsīr Al-Tahrīr Wa Al-Tanwīr*. 1st ed. Beirut Lubnan: Muassasah al-Tārikh.
- Muhyī al-Dīn al-Darwish. 1980. *IʿRāb Al-QurʿĀn Al-Karīm Wa Bayānuh*. 3rd ed. Beirut: al-Karāmah li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
- Nabilah Nuraini & Diden Rosenda. 2024. The semantic approach to the word maraḍ (illness) in the quran. *Articulation: Journal of Language, Linguistics, and Literature* 1(1):14–22. <https://doi.org/10.29313/jal.v1i1.4311>.
- Putra, D. I. A., & Yusuf, M. 2021. Proposing machine learning of tafsir al-quran: in search of objectivity with semantic analysis and natural language processing. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* 1098:1–9. <https://doi.org/10.1088/1757-899X/1098/2/022101>.
- Qamar, S., Nurlathifah Thulfitriah, B., Ahmad, L. O. I., & Abubakar, A. 2023. Hidup sehat bersama al-quran (telaah tematik ayat-ayat tentang kesehatan). *Al Quds: Jurnal Studi Alquran dan Hadis* 7(1):65–78. <https://doi.org/10.29240/alquds.v7i1.4797>.
- Saib, M. R., & Khoza, K. I. M. F. 2024. Psychospiritual well-being through understanding iʿjaz al-qurʿan. *Quranica: Journal of Quranic Research* 16(1):83–105. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/53157>.
- Sarudin, N. S., & Yaakob, A. 2024. Artificial intelligence (ai) in answering islamic questions from shariah perspectives. *SALAM Digest* 2(1):54–65. <https://salam.usim.edu.my/index.php/salamdigest/article/view/82>.
- Sawalha, M., Al-Shargi, F., Yagi, S., AlShdaifat, A. T., Hammo, B., Belajeed, M., & Al-Ogaili, L. R. 2024. Morphologically-analyzed and syntactically-annotated quran dataset. *Data in Brief* 58(111211):1–13. <https://doi.org/10.1016/j.dib.2024.111211>.
- Shahid, U., Hussain, M.Z., & Sayers, W. 2025. Computational analysis of quran text using machine learning and large language models. Dlm. *2025 8th International Conference on Data Science and Machine Learning Applications (CDMA)*, hlm. 18–24. <https://doi.org/10.1109/CDMA61895.2025.00009>.
- Sumarno, Haddade, H., & Damis, R. 2022. Wawasan al-qurʿan tentang kesehatan. *Jurnal ANNABA* 8(2):293–304. <https://doi.org/10.37286/ojs.v8i2.166>.
- Thoyyibah Nufus, Ahmad Anis & Abdul Rauf Haris. 2024. Kajian al-wujuh wa an-nazhair atas kata maraḍ dalam al-qurʿan. *Izzatuna: Jurnal Ilmu Al-Quran dan Tafsir* 5(1):41–55. <https://doi.org/10.62109/ijiat.v5i1.76>.
- Touati-Hamad, Z., Laouar, M. R., Bendib, I., & Hakak, S. 2022. Arabic quran

- verses authentication using deep learning and word embeddings. *The International Arab Journal of Information Technology* 19(4):681–88. <https://doi.org/10.34028/iajit/19/4/13>.
- Wahbah Al-Zuhaili. 2013. *Tafsir Al-Munir*. Achmad Yazid Ichsan & Muhammad Badri (pnyt.). 1st ed. Jakarta: Gema Insani.
- Zakaria, N., Syed Hassan, S. N., Salaeh, A., & Nooh Ma Yu Long. 2019. Al-quran dan sunah sebagai asas istinbat hukum: metodologi imam al-shafiiyy. Dlm. *Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT)*, hlm. 589–601. Nilai Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.